



## Lawatan Rasmi Pertama Prof. Dr. Rujhan Mustafa sebagai Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi ke UTeM

UTeM terus berusaha untuk menambahkan lagi penawaran program baru bagi meningkatkan bilangan graduan profesional bagi menampung permintaan tenaga kerja mahir dan profesional yang kini semakin meningkat permintaannya melalui pelbagai sektor seperti bidang teknikal dan teknologi kejuruteraan.



Susulan itu Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi (JPT) yang baru dilantik, Prof. Dr. Rujhan Mustafa telah mengadakan lawatan rasmi pertama beliau ke UTeM di Kampus Induk Durian Tunggal. Ketibaan delegasi JPT telah disambut oleh Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan bersama pegawai-pegawai kanan di Bangunan Canselori.

Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff ketika ditemui menjelaskan bahawa objektif Lawatan Kerja Ketua Pengarah JPT adalah bertujuan untuk meninjau persiapan UTeM dalam penawaran Program Teknologi Kejuruteraan yang akan ditawarkan pada tahun ini yang mana pengambilan pertama akan dibuat pada bulan September tahun ini melibatkan pengambilan seramai 570 orang pelajar.

Naib Canselor juga turut menyampaikan satu taklimat tentang Pelan Tindakan UTeM manakala Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim Suaidi pula membentangkan taklimat berhubung pembangunan Kampus Industri yang akan menempatkan fakulti baru UTeM iaitu Fakulti Teknologi Kejuruteraan.

*Salam 1 Malaysia ke UTeM  
Selamat Lawatan pertama sebagai  
KP JPT.  
RA  
7-2-2011*

Justeru itu Prof. Dr. Rujhan dalam kenyataannya menyatakan bahawa UTeM telah bersedia menjayakan program Teknologi Kejuruteraan ini selari dengan hasrat Menteri Pengajian Tinggi dalam melahirkan lebih ramai graduan dalam bidang teknologi kejuruteraan iaitu sebanyak 60 peratus menjelang tahun 2015.

Tambah beliau lagi UTeM merupakan universiti teknikal yang pertama di kalangan Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) yang lain dalam menyahut hasrat ini dan bersama pelan tindakan yang lengkap dan strategik membuatkan beliau lebih yakin UTeM akan berjaya melaksanakannya seperti yang diharapkan.

**BERITA**  
MELESTARI INFORMASI KOMUNITI BERINOVASI  
FEBRUARI 2011

KANDUNGAN

Lawatan Rasmi Pertama Prof. Dr. Rujhan Mustafa sebagai Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi ke UTeM | Majlis Sanjungan Budi Raikan Kejayaan Penyelidik UTeM | Penyelidikan Dan Inovasi UTeM Seiring Matlamat Transformasi Negara | UTeM & Melaka FM Bekerjasama Bimbing Golongan Remaja | UTeM IPTA Pertama Menggunakan CCTV on IP | Kerajaan Negeri Sarawak Alu-alukan Penganjuran Imagine Cup 2011 Di Kuching | Kerjasama UTeM & Malaysia Automotive Institute Tingkatkan Kebolehpasaran Graduan | Kecemerlangan UTeM Jadi Penanda Aras Universiti Indonesia | Puspanita UTeM Tekad Jayakan Agenda Pembangunan Ekonomi, Sosial Dan Budaya | Pusat Islam Anjur Ceramah Sempena Program Daurah Aqidah | PKKP Anjur Bengkel Pemurnian Peta Laluan Keluar Kecemasan UTeM | Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Dan Induk Sukum Ke-36 | Majlis Anjung Bitara Raikan Penulis UTeM | Karnival Kerjaya 2011 Dapat Sambutan Hebat | Spring Festival & Pesta Ponggal Jayakan Matlamat 1 Malaysia | UTeM Mulakan Cabaran Liga Hoki MASUM 2011 | Sukarelawan UTeM Bantu Mangsa Banjir | Proses Pilihanraya UTeM Berjalan Lancar | Program Pintar SIRI II/2011 | UTeM Anjur Kursus Pembentukan Jatidiri Unggul | Program UTeM Terbilang Bentuk Modal Insan Berprestasi Tinggi | Berita Perkahwinan | Penyelidik UTeM Raih Kejayaan Cemerlang Di Malaysia Technology Expo 2011 (MTE 2011) | UTeM & TM Bekerjasama Laksanakan Rangkaian Metro-e Di Seluruh Kampus UTeM | Personaliti Pilihan





### Editor BERITA@UTeM

#### KETUA EDITOR :

Prof. Madya Mohd Rahimi  
Bin Yusoff

#### WARTAWAN :

Mohd Khairulhusaini Bin Mohd Saad  
Bob Faizeli Bin Mohamed Din

#### REKA BENTUK GRAFIK :

Aziza Binti Md Buang  
Suria Binti Abdul Rahman

#### JURUFOTO :

Md. Nor Bin Mohamad Saleh  
Nurulidayu Binti Talib  
Mohd Farid Bin Supangi  
Asri Bin Abu

#### PENGEDARAN :

Al Rohaiya Binti Adanan  
Manisah Binti Kamarudin  
Nurizzah Aliah Binti Malek Abdulah  
Mohd Hanafie Bin Saip  
Nor Sabrina Binti Mohd Dali  
Rabea'tul Adawiyah Binti Zakariah

Apa pandangan anda mengenai BERITA@UTeM? Hantarkan pandangan / cadangan / sumbangan bahan anda melalui e-mail ke [berita@utem.edu.my](mailto:berita@utem.edu.my)

## Majlis Sanjungan Budi raikan Kejayaan Penyelidik UTeM

Pencapaian gemilang penyelidik UTeM pada tahun 2010 dengan meraih 41 pingat di pertandingan-pertandingan inovasi peringkat kebangsaan dan antarabangsa telah berjaya mengangkat nama UTeM sebaris dengan universiti terkemuka di negara ini.

Lantaran itu, sebagai menghargai pengorbanan penyelidik-penyelidik yang sentiasa berusaha gigih memartabatkan nama universiti, Majlis Sanjungan Budi telah diadakan di Kafe Botanikal Ayer Keroh, baru-baru ini. Majlis tersebut dianjurkan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (CRIM).

Turut hadir meraikan kejayaan tersebut ialah Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan yang diiringi oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof. Dato' Mohamad Kadim Suaidi, pegawai-pegawai kanan universiti serta rakan-rakan strategik industri.

Dalam ucapannya, Naib Canselor melahirkan harapan agar penyelidik-penyelidik UTeM terus berusaha demi menjadikan UTeM sebagai sebuah pusat penyelidikan dan inovasi industri tersohor di negara ini. Katanya lagi, pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) serta beberapa agensi kerajaan telah memperkenalkan pelbagai geran yang boleh dimohon bagi menyokong aktiviti penyelidikan dan seharusnya para penyelidik merebut peluang tersebut agar projek-projek berimpak tinggi dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Turut diadakan pameran produk-produk penyelidikan yang telah menempa nama di pertandingan inovasi dalam dan luar negara. Tetamu-tetamu dari industri yang diundang khas turut berminat untuk menjalinkan kerjasama dalam memajukan produk-produk tersebut.



## Penyelidikan Dan Inovasi UTeM Seiring Matlamat Transformasi Negara

Penyelidik diseru untuk memanfaatkan pelbagai geran yang disediakan oleh kerajaan mahupun pihak swasta demi melahirkan inovasi yang mampu mengangkat nama Malaysia setanding dengan negara-negara maju. Demikian antara saranan yang dibuat oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTeM, Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim Suaidi ketika membentangkan prestasi pencapaian penyelidik universiti itu di Kampus Induk baru-baru ini.

Sesi pembentangan yang dihadiri oleh Professor-profesor dan penyarah kanan UTeM bertujuan untuk berkongsi maklumat mengenai prestasi tahun 2010 dan strategi yang boleh dilaksanakan untuk terus kekal berdaya saing seiring dengan hasrat Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bagi meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara.

Mengulas prestasi penyelidikan UTeM pada tahun 2010, Mohamad Kadim menjelaskan bahawa sebanyak 41 pingat telah diraih dalam pertandingan rekacipta dan inovasi yang diadakan di dalam dan di luar negara. Sementara itu, 11 produk penyelidikan telah difailkan untuk dipatenkan manakala sejumlah 354 kertas kerja telah dibentangkan oleh penyelidik UTeM di dalam persidangan kebangsaan dan antarabangsa sepanjang tahun lepas.

Sementara itu, jumlah geran yang berjaya disalurkan pada tahun 2010 kepada penyelidik UTeM dari pelbagai fakulti berjumlah RM 5,534,912.80 yang digunakan untuk membiayai 226 projek melalui Penyelidikan Jangka Pendek (PJP), Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) dan Science Fund.

Turut menjadi kebanggaan apabila Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) berjaya meraih geran daripada UBS Optimus Foundation yang berpangkalan di Zurich, Switzerland melalui projek yang bernilai RM 434,130 manakala Pusat Bahasa dan Pembangunan Insaniah (PBPI) melaksanakan projek bernilai RM 70 ribu untuk Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT).

Ujar Mohamad Kadim, jumlah geran tersebut boleh dipertingkatkan lagi melalui jalinan kerjasama dengan pihak industri tidak kira dari dalam mahupun luar negara. Beliau juga menyarankan agar penyelidik UTeM menggandakan usaha untuk menarik minat pihak industri, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) serta syarikat multinasional (MNC) menjadi rakan strategik universiti dalam bidang penyelidikan teknologi termaju.



Hak Cipta Terpelihara  
Pejabat Perancangan Dan  
Komunikasi Korporat, Canselor  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka  
Hang Tuah Jaya  
76100 Durian Tunggal, Melaka  
Tel : +606 331 6248 / 6249  
Faks : +606 331 6247

# UTeM & MELAKA FM *bekejasama* Bimbing Golongan Remaja

UTeM dan Radio Televisyen Malaysia (RTM) menerusi stesen radio Melaka FM menjalin kerjasama dua hala dalam menjalankan tanggungjawab sosial kepada masyarakat umum khususnya golongan remaja serta para pendengar Melaka FM melalui slot 'Memetik Bintang' yang diadakan pada setiap hari Rabu dari jam 9.30 hingga 10.00 malam.

Menurut Haji Zazmie Mohd Zain yang merupakan Ketua Bahagian Rancangan Radio Malaysia Melaka FM mengulas antara objektif diadakan program 'Memetik Bintang' ini adalah untuk membimbing golongan remaja dalam bidang pendidikan serta menyalurkan maklumat yang lengkap sebagai persediaan menjalani kehidupan sebagai penuntut di menara gading nanti.

Sehubungan itu golongan remaja dan para pendengar juga berpeluang untuk mendapatkan penjelasan daripada tetamu undangan program ini yang terdiri daripada tokoh-tokoh akademik UTeM yang bersedia untuk berkongsi ilmu pengetahuan, kepakaran dan pengalaman yang luas dalam bidang pendidikan.

Episod pertama yang telah ke udara membincangkan topik Bidang Kejuruteraan di Malaysia yang dihuraikan secara terperinci oleh Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer (FKEKK) iaitu Prof Madya Muhammad Syahrir Johal bersama penyampai radio Melaka FM, Mohd Daim Zainuddin.



## UTeM IPTA Pertama Menggunakan CCTV on IP



UTeM menekankan aspek keselamatan menyeluruh bagi memastikan seluruh kawasan kampus berada dalam keadaan terkawal dan selamat. Bagi merealisasikan senario ini maka UTeM telah mengadakan majlis Pembentangan dan Pelancaran Closed-circuit Television on Internet Protocol (CCTV on IP) di Pusat Komputer baru-baru ini.

Majlis telah dirasmikan oleh Naib Canselor UTeM Prof Datuk Dr Ahmad Yusoff Hassan dan turut dihadiri oleh Timbalan Pengerusi SAINS Sarawak Tan Sri Datuk Amar Aziz Husein, wakil syarikat Tech Inovasi Sdn Bhd dan Silicon Sdn Bhd yang merupakan organisasi yang bertanggungjawab dalam memasang CCTV on IP ini.

Projek pemasangan CCTV on IP di UTeM ini merupakan salah satu projek terbesar di kalangan IPTA lain yang mana ianya berdasarkan teknologi termaju dan universiti ini merupakan IPTA pertama di Malaysia menggunakan CCTV on IP.

Pengarah Pusat Komputer UTeM Mohd Isa Mohd Dom dalam sesi taklimatnya berkata, sebanyak 128 kamera telah dipasang di seluruh kampus yang merangkumi kampus induk, kampus bandar dan kampus industri telah dihubungkan dengan teknologi Metro Ethernet (Metro-E) dan dikawal secara automatik dan bersepadu menerusi Bilik Kawalan Operasi CCTV on IP berpusat.

Kerajaan Negeri Sarawak merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada sekretariat penganjuran Imagine Cup 2011 kerana memilih Bandaraya Kuching sebagai destinasi pertandingan akhir pertandingan mencipta perisian (software) peringkat kebangsaan yang dianjurkan oleh Microsoft Malaysia dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Perkara tersebut dinyatakan oleh YB. Datin Hajah Fatimah Abdullah, Menteri di Jabatan Ketua Menteri Sarawak ketika menerima kunjungan Pengerusi Pertandingan Imagine Cup 2011, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan yang juga Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) di pejabatnya baru-baru ini.

Dalam pada itu, YB. Datin Fatimah menyatakan komitmen kerajaan negeri untuk memastikan pertandingan akhir Imagine Cup 2011 peringkat kebangsaan berjalan dengan lancar serta mengalu-alukan kesungguhan sekretariat yang diketuai oleh Prof. Dr. Ahmad Yusoff untuk menjadikan Sarawak destinasi pertandingan akhir peringkat dunia nanti.

## Kerajaan Negeri Sarawak *alu-alukan* Penganjuran Imagine Cup 2011 di Kuching



## Kerjasama UTeM & Malaysia Automotive Institute *tingkatkan* Kebolehpasaran Graduan



UTeM dan Malaysia Automotive Institute (MAI) merangka pelan kerjasama dalam usaha meningkatkan kebolehpasaran graduan bagi memenuhi permintaan tenaga profesional terutama sekali dalam sektor industri automotif negara. Lantaran itu, satu mesyuarat telah diadakan dengan tujuan membolehkan graduan UTeM mengikuti latihan lanjutan berkaitan kemahiran industri yang bakal melonjakkan kualiti golongan tersebut di dalam pasaran kerja. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Prof. Dr. Md. Razali Ayob, Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) merupakan susulan daripada mesyuarat pertama bersama pengurusan tertinggi UTeM baru-baru ini.

Menurut seorang pegawai MAI, Sharoul Jambari yang hadir pada mesyuarat tersebut menjelaskan bahawa graduan yang berminat menyertai program INSEP (Industrial Skills Enhancement Program) akan ditempatkan di syarikat-syarikat berasaskan automotif untuk menjalani latihan intensif selama 9 bulan bagi meningkatkan kemahiran dan seterusnya mendapat pekerjaan.

Sementara itu, Prof. Dr. Razali menyambut baik hasrat MAI yang dilihatnya dapat mengurangkan kadar pengangguran di kalangan graduan. Katanya, UTeM sentiasa mengalu-alukan kerjasama sebegini yang dilihat mampu membekalkan tenaga profesional ke arah kemajuan industri automotif negara. Tambah beliau, graduan seharusnya merebut peluang apabila program ini dilaksanakan kelak kerana peluang untuk mendapatkan pekerjaan amat cerah.

UTeM telah menerima kunjungan delegasi dari Universitas Internasional Batam (UIB), Indonesia baru-baru ini di kampus induk Durian Tunggal. Delegasi diketuai oleh Timbalan Rektor 1 Pembangunan Akademik, Puan Meiliana bersama dengan pegawai kanan dari universiti itu. Kunjungan ini telah disambut oleh UTeM yang diketuai oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) Dato' Prof. Dr. Mohd Nor Husain.

Menurut Pengarah Pejabat Antarabangsa UTeM, Prof. Dr. Nanna Suryana Herman berkata kunjungan UIB ke UTeM ini adalah lebih tertumpu kepada penanda aras serta merangka jalinan kerjasama strategik antara UIB dan UTeM. Rangka jalinan strategik ini akan diterjemahkan kepada beberapa bentuk pendekatan dalam bidang akademik dan pembangunan staf bagi pihak UIB.

Dalam aspek pembangunan staf, UIB berhasrat untuk menghantar sebilangan stafnya bagi melanjutkan pengajian di peringkat pasca siswazah di UTeM. Seterusnya bagi sudut pelajar pula adalah untuk mewujudkan proses pertukaran pelajar antara UIB dan UTeM menerusi menerusi program ijazah berkembar di Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi (FTMK) dan Fakulti Pengurusan Teknologi & Teknousahawanan di UTeM.

## Kecemerlangan UTeM *jadi* Penanda Aras Universiti Indonesia



## Puspanita UTeM Tekad *jayakan* Agenda Pembangunan Ekonomi, Sosial Dan Budaya

Peranan golongan wanita dalam memartabatkan aspek ekonomi, sosial dan bidang kerjaya negara kita sememangnya tidak dinafikan kerana golongan ini telah banyak membantu dan bergerak seiringan dalam merealisasikan agenda negara ini.

Bagi meneruskan agenda seterusnya PUSPANITA UTeM telah mengadakan Mesyuarat Agung Kali kedua di Auditorium Canselori Kampus Induk. Mesyuarat agung ini diadakan bagi tujuan pemilihan barisan ahli jawatankuasa baru PUSPANITA cawangan UTeM.

Menurut Pengerusi PUSPANITA UTeM Datin Sara Ayub berkata, ahli-ahli PUSPANITA hendaklah sentiasa komited dan berazam tinggi dalam menggalas tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan ini.

Mesyuarat agung pada kali ini telah dirasmikan oleh Naib Canselor UTeM merangkap Panasihat PUSPANITA. Dalam ucapan beliau menegaskan PUSPANITA UTeM sewajarnya beriltizam dalam mengorak langkah secara drastik dan proaktif sebagai badan amal, kebajikan dan sosial kepada ahli-ahlinya serta pada masa yang sama terus membantu UTeM dalam melaksanakan program dan aktiviti-aktiviti yang lebih hampir kepada masyarakat setempat.



## Pusat Islam Anjur Ceramah *bersempena* Program Daurah Aqidah

Pusat Islam UTeM terus menggerakkan aktiviti perkongsian ilmu demi melahirkan warga universiti yang memiliki pengetahuan agama yang kukuh. Justeru, Pusat Islam telah dianjurkan satu ceramah bersempena Program Daurah Aqidah yang diadakan di Masjid UTeM di Kampus Induk baru-baru ini.

Pada program tersebut, penceramah-penceramah daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah diundang khas bagi menyampaikan serta berkongsi ilmu dengan para hadirin terhadap isu-isu semasa berkaitan akidah umat Islam.

Ceramah tersebut disampaikan oleh Ustaz Izzul A'la bin Baijuri dan Ustaz Aizam bin Mas'od dari JAKIM dan telah mendapat sambutan memberangsangkan dari warga UTeM.



## PKKP *anjur* Bengkel Pemurnian Peta Laluan Keluar Kecemasan UTeM

Pejabat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (PKKP) baru-baru ini menganjurkan Bengkel Pemurnian Peta Laluan Keluar Kecemasan UTeM bertempat di Pusat Konvensyen, Kampus Bandar di Jalan Hang Tuah Melaka.

Bengkel yang dianjurkan bertujuan untuk menyediakan satu platform untuk memberi maklumat yang lengkap kepada warga universiti ini berkaitan penyeragaman menyediakan Peta Laluan Keluar Kecemasan untuk setiap bangunan di UTeM. Selain itu, bengkel ini juga membantu seluruh PTJ untuk mengemaskini Peta Laluan Keluar Kecemasan agar mudah difahami dan digunakan oleh staf dan pelajar.

Melalui bengkel yang dianjurkan, peserta diberi pendedahan mengenai komponen-komponen utama Peta Laluan Keluar Kecemasan serta perkongsian mengenai kaedah menghasilkan peta menggunakan perisian yang sesuai.

Usaha tersebut membuktikan bahawa pengurusan universiti sentiasa mengambil berat terhadap aspek keselamatan bagi menjamin kesejahteraan seluruh warga UTeM dalam menjalankan tugas harian.



## Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan Induk Sukum Ke-36

UTeM kini sedia menggalas cabaran untuk menjadi penganjur terbaik Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (SUKUM) bagi edisi ke-36 yang akan berlangsung pada bulan Jun nanti. Perkara tersebut dinyatakan pada mesyuarat induk dan mesyuarat jawatankuasa teknikal yang berlangsung di Kampus Induk UTeM di Durian Tunggal Melaka baru-baru ini.

Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UTeM, Engr. Prof. Dr. Marizan bin Sulaiman ketika mempengerusikan mesyuarat tersebut menjelaskan kepada wakil-wakil Pusat Sukan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan wakil Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang hadir bahawa UTeM telah melaksanakan pelbagai persiapan dari segi teknikal dan logistik bagi memastikan SUKUM ke-36 merupakan yang terbaik pernah diadakan.

Turut dibincangkan pada mesyuarat selama dua hari tersebut mengenai persiapan acara-acara yang bakal dipertandingkan kelak. Menurut Marizan, acara bola sepak, badminton, tennis, bola jaring dan sepak takraw merupakan antara acara yang telah disahkan penyertaan oleh IPTA yang bertanding. Tambahnya lagi, beberapa acara bakal menyaksikan dua kategori dipertandingkan iaitu senior dan veteran.

Dalam pada itu, mesyuarat teknikal yang berlangsung membincangkan dengan terperinci peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi oleh setiap pasukan yang bertanding bagi mengelakkan sebarang kekeliruan semasa kejohanan berlangsung. Mesyuarat yang dihadiri oleh kesemua IPTA yang terlibat berjaya menggabungkan pelbagai cadangan dan idea bagi menambahbaik perjalanan SUKUM yang bakal berlangsung.



## Majlis Anjung Bitara raikan Penulis UTeM

Bagi menghargai dan meraikan sumbangan ahli akademik UTeM yang terlibat dalam bidang penulisan buku ilmiah maka Penerbit UTeM telah menganjurkan majlis Anjung Bitara 2010 yang telah diadakan di Auditorium Canselor.

Majlis dirasmikan oleh Naib Canselor, Prof Datuk Dr Ahmad Yusoff Hassan dan dihadiri oleh pegawai kanan serta kakitangan UTeM.

Menurut Pengarah Penerbit UTeM, Majlis Anjung Bitara merupakan satu platform meraikan sumbangan dan kejayaan penulis yang terdiri daripada golongan akademik yang telah berjaya menerbitkan karya asli masing-masing.

Beliau juga berkata tahun 2010 telah mencatatkan peningkatan sebanyak 59 peratus dalam terbitan Penerbit Universiti jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya. Ini terbukti dengan terbitan karya asli sains sosial yang berjumlah 22 judul buku ilmiah, 18 judul modul dan satu prosiding. Manakala terbitan karya asli sains teknologi dan kejuruteraan pula berjaya diterbitkan sebanyak 12 judul buku ilmiah, 12 modul dan 4 prosiding.

Turut diadakan pelancaran laman web jurnal universiti, penyerahan royalti kepada semua penulis buku ilmiah UTeM bagi tahun 2010 dan penyerahan buku terbitan khas khidmat masyarakat yang bertajuk 'Mendamba Jernih Embun Kasih' kepada wakil Penguasa Rumah Seri Kenangan Cheng Melaka.



## Karnival Kerjaya 2011 Dapat Sambutan Hebat

Karnival Kerjaya 2011 yang berlangsung baru-baru ini di Dewan Besar, Kampus Induk telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan terutama sekali daripada pelajar-pelajar tahun akhir. Karnival ini merupakan anjuran bersama Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) dan Pusat Jaringan Industri dan Komuniti (ICNET) UTeM.

Karnival kerjaya ini telah disertai oleh hampir 40 syarikat dengan mengadakan pameran, ceramah kerjaya dan temuduga terbuka kepada pelajar-pelajar UTeM yang akan tamat pengajian pada tahun ini dan masyarakat luar yang ingin mencari pekerjaan.

Antara objektif karnival ini ialah untuk memberi peluang dan pendedahan kepada bakal graduan berkaitan realiti sebenar dunia pekerjaan, menyediakan Pusat Sehenti kepada majikan dan bakal-graduan, menemukan para majikan dan bakal graduan secara langsung dan berinteraksi bagi membantu dalam penjudohan kerja dan meningkatkan kemahiran dan kebolehpasaran bakal graduan mencari pekerjaan.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan. Turut hadir pegawai-pegawai kanan universiti, kakitangan dan pelajar UTeM. Didalam ucapannya Dr. Ahmad Yusoff berharap graduan memiliki kemahiran asas yang diperlukan oleh majikan seperti kemahiran berkomunikasi dan penguasaan dalam Bahasa Inggeris.



## Spring Festival & Pesta Ponggal jayakan Matlamat 1 Malaysia

Penganjuran Spring Festival dan Pesta Ponggal 1Malaysia UTeM telah berjaya mencerminkan keunikan masyarakat berbilang bangsa di negara ini. Keunikan tersebut dapat dilihat melalui sambutan yang menggalakkan ketika acara tersebut berlangsung.

Menurut Pegawai kebudayaan UTeM, En. Amir Ali, objektif kedua-dua program ini diadakan ialah bagi memupuk semangat 1 Malaysia dan mengeratkan hubungan antara mahasiswa UTeM, memperkenalkan kebudayaan Cina dan India kepada kaum lain agar dapat menambahkan pemahaman tentang budaya dan memupuk perpaduan di kalangan mahasiswa UTeM yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan kaum.

Pelbagai aktiviti telah dijayakan dengan penyertaan pelajar-pelajar berbilang bangsa. Di perkarangan Dewan Besar UTeM telah diadakan aktiviti memasak Ponggal dalam periuk tanah liat dan hiasan Kolam. Manakala Spring Festival, penonton dihidangkan dengan Persembahan Gendang 24 Musim, Persembahan Tarian Singa serta Tarian Tradisional Kebudayaan Cina.



## Sukarelawan UTeM Bantu Mangsa Banjir

Bagi meringankan beban mangsa banjir di selatan tanahair, UTeM telah menghantar seramai 50 mahasiswa dan kakitangannya sebagai sukarelawan bagi sama-sama membantu mangsa banjir di Kampung Jawa, Lenga Pagoh, Johor baru-baru ini.

Menurut Ketua Penolong Pendaftar, Unit Kebajikan Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Syahira bt. Mohd. Adnan berkata, program ini adalah anjuran Majlis Sukarelawan Universiti Malaysia (MASKUM) dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang melibatkan hampir 1200 pelajar dari 14 Institusi Pengajian Awam (IPTA) yang lain.

Sukarelawan UTeM terlibat membersihkan kawasan Sekolah Kebangsaan Kundang Ulu, Pagoh yang dipenuhi dengan lumpur dan sampah sarap. Pada masa yang sama kumpulan yang bergerak secara berkumpulan melakukan aktiviti pembersihan secara bergotong-royong ini turut membersihkan peralatan-peralatan lain di sekolah berkenaan yang terkena banjir.

Kehadiran sukarelawan UTeM ke kawasan bencana ini bukan hanya sekadar membersihkan kekotoran dan lumpur banjir sahaja tetapi ianya juga merupakan suntikan semangat dan motivasi kepada mangsa banjir bahawa mereka bukanlah seseorang tetapi masyarakat IPTA tetap bersama mereka dalam menghadapi keadaan begini bagi bersama-sama memulihkan keadaan seperti sediakala.



## UTeM Mulakan Cabaran Liga Hoki Masum 2011



Pasukan hoki UTeM memulakan cabaran menghadapi Liga Hoki Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) 2011 dengan penuh azam dan semangat juang yang membara. UTeM yang bermain di Divisyen 1 menyatakan hasrat untuk memberi tentangan hebat kepada tujuh lagi pasukan antaranya Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) dan Universiti Teknologi MARA (UITM).

Beberapa perlawanan telah berlangsung di arena hoki UTeM di Kampus Induk baru-baru ini. Pada perlawanan sulung, UTeM telah bertemu dengan UNITEN dengan keputusan memihak kepada universiti tersebut dengan mata 0-1.

Manakala pada perlawanan kedua, pasukan UTeM menunjukkan prestasi cemerlang apabila membenam pasukan Universiti Multimedia (MMU) dengan jaringan 2-0. Kemenangan tersebut memberikan suntikan semangat kepada pemain untuk terus memperbaiki permainan seterusnya mengharumkan nama universiti di peringkat nasional.

## Proses Pilihanraya UTeM Berjalan Lancar

UTeM telah mengadakan pilihanraya bagi memilih ahli Majlis Perwakilan Pelajar sesi 2010/2011 semalam di Kampus Induk Durian Tunggal, Kampus Bandar di Jalan Hang Tuah dan Kampus Industri di Ayer Keroh.

Sebanyak 8 kerusi umum dan 14 kerusi fakulti dipertandingkan pada pemilihan pada tahun ini. Seramai 7128 pelajar UTeM layak untuk mengundi pada kali ini. Peratusan keluar mengundi pula adalah sebanyak 67.92 peratus. Peratusan ini adalah lebih baik dari tahun lepas sebanyak 62.01%. Pemenang bagi undi terbanyak bagi kerusi umum ialah Muhd. Nur Jamaluddin Jusoh dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) yang mendapat undi sebanyak 3762 undi. Pengumuman keputusan pilihanraya ini telah dilakukan oleh Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UTeM, Engr. Prof. Dr. Marizan bin Sulaiman pada jam 5.30 petang.




## Program Pintar Siri II/2011 Warga PBPI Bersatu Ke Arah Kecemerlangan

Kali ini giliran warga Pusat Bahasa dan Pembangunan Insaniah (PBPI) terlibat dalam Program Integrasi Insan Terbilang (PINTAR) Siri II yang diadakan di Port Dickson baru-baru ini.

Naib Canselor, Y. Bhg. Prof Datuk. Dr. Ahmad Yusoff Bin Hassan hadir merasmikan program tersebut. Melalui ucapannya, beliau menyeru semua peserta agar menghayati semua aktiviti yang dijalankan dan mempraktikkan ilmu yang dipelajari sekembalinya ke universiti nanti.

Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang tiga hari program itu berlangsung. Aktiviti wajib PINTAR iaitu berakit memberi cabaran getir pada kali ini apabila peserta terpaksa menempuh ombak laut Selat Melaka untuk menamatkan perlumbaan.

Turut dimuatkan semasa program berlangsung ialah kemahiran berkomunikasi dan kepimpinan, teknik berfikir secara kreatif serta pemupukan nilai-nilai kerohanian. Program yang dianjurkan oleh Unit Latihan Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (BPSM) itu turut mendapat sokongan daripada pegawai-pegawai kanan UTeM yang hadir sebagai fasilitator untuk membimbing para peserta.



## UTeM anjur Kursus Pembentukan Jatidiri Unggul

Kecemerlangan sesebuah institusi memerlukan keunggulan jati diri dan semangat kerja berpasukan yang erat di kalangan warga kerjanya. Justeru itu, Unit Latihan Bahagian Pembangunan Sumber Manusia UTeM telah menganjurkan Kursus Pembentukan Jatidiri Unggul bertempat di Hulu Langat Selangor baru-baru ini.

Kursus tersebut melibatkan penyertaan staf yang memegang jawatan sebagai Pembantu Am Pejabat dari pelbagai jabatan. Fokus utama kursus ini adalah untuk mendorong perubahan ke arah kecemerlangan hidup melalui pembentukan jatidiri yang unggul.

Melalui aktiviti di dalam dan di luar kelas yang dijalankan, peserta diberi pendedahan yang menyeluruh mengenai kepentingan semangat berpasukan yang mantap serta penerapan nilai-nilai murni dalam melaksanakan tugas dengan penuh tanggungjawab.



## Program UTeM Terbilang Bentuk Modal Insan Berprestasi Tinggi

Seramai 70 orang staf UTeM yang baru melapor diri terlibat dalam program 'UTeM Terbilang' yang diadakan di Taman Botanical Ayer Keroh baru-baru ini. Program yang dianjurkan oleh Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (BPSM) bertujuan memberi pendedahan terhadap fungsi pelbagai jabatan di universiti ini di samping penerapan semangat berpasukan dan nilai-nilai murni sebagai penjawat awam. Pelbagai aktiviti yang menjurus kepada pembinaan jati diri telah dijalankan selama dua hari program berlangsung. Antara aktiviti yang dijalankan ialah merempuh halangan berpasukan yang memerlukan kerjasama erat di kalangan peserta program.

Terdahulu, Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan mengalu-alukan kedatangan staf baru ke universiti ini dan mengharapkan sumbangan yang berterusan bagi mencapai kegemilangan selaku universiti teknikal pertama di negara ini.

Ujar beliau, individu yang berjaya menyertai keluarga UTeM seharusnya mempunyai komitmen dan semangat yang tinggi untuk mengharumkan nama universiti ke peringkat yang lebih tinggi. "Tidak kira apa pun peringkat dan jawatan, kita mestilah bersatu hati, komited dan sentiasa fokus ketika melaksanakan amanah yang diberikan agar misi dan visi universiti tercapai" kata Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff.



## Eahniah

Berita@UTeM mengucapkan selamat pengantin baru kepada pasangan berikut yang telah melangsungkan perkahwinan baru-baru ini.

Mohd Hanafie bin Saip dari Pejabat Perancangan dan Komunikasi Korporat (PPKK) bersama pasangannya Nurul Iza binti Radhuan yang melangsungkan perkahwinan pada 4 Februari 2011.



# Personaliti Pilihan



**AZMAN BIN AZAHARI**  
PEMBANTU TADBIR (P/O)  
CANSELORI

Dilahirkan di Durian Tunggal, Azman bin Azahari menyertai UTeM pada bulan Ogos 2003 dan ditempatkan di Pejabat Naib Canselor bermula pada tahun 2008. Seorang yang aktif di dalam bidang sukan, Azman merupakan pemain bola sepak yang telah mengharumkan nama universiti di beberapa edisi kejohanan bertaraf kebangsaan seperti di Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (SUKUM).

Bermain di bahagian sayap kiri, kemahiran Azman sememangnya memperkuat barisan serangan pasukan UTeM Senior. Kesungguhan serta ketangkasan beliau ketika beraksi di padang sering menggugat pertahanan lawan.

Seorang yang cintakan permainan bola sepak, Azman amat meminati corak permainan pasukan Liverpool dan Barcelona FC, manakala Xabi Alonso merupakan pemain idola beliau. Di waktu lapangnya, Azman sering menghabiskan masa di gimnasium untuk mengekalkan staminanya.



**NORIZA BINTI MAT ISA@AHMAD**  
JURUTEKNIK  
PBPI

Noriza binti Mat Isa@Ahmad memulakan perkhidmatan di UTeM pada bulan Feb 2002. Berasal dari Felda Lubuk Merbau, Pendang Kedah, Noriza kini menetap bersama keluarga tercinta di Jasin, Melaka.

Pada masa ini Noriza berkhidmat di Bahagian Pentadbiran Pusat Bahasa dan Pembangunan Insaniah (PBPI). Beliau merupakan antara staf yang memiliki pengalaman sangat luas dalam mengendalikannya kemudahan makmal bahasa terutama sekali Self Access Language Lab (SALL).

Di masa lapangnya, ibu kepada 4 orang cahaya mata ini gemar menjahit dan mentelaah buku-buku ilmiah. Katanya aktiviti tersebut dapat merehatkan mindanya di samping memberikan banyak ilmu pengetahuan yang sangat berguna di kemudian hari.

Beliau mengambil kesempatan mengucapkan jutaan terima kasih kepada seluruh warga PBPI yang sentiasa memberi dorongan, inspirasi dan semangat kepada dirinya dalam melaksanakan pelbagai program yang dianjurkan oleh PBPI dengan jayanya



## Penyelidik UTeM Raih Kejayaan Cemerlang Malaysia Technology Expo 2011 (MTE 2011)

Kecemerlangan UTeM dalam bidang penyelidikan dan inovasi diteruskan lagi melalui pencapaian gemilang ketika menyertai Malaysia Technology Expo 2011 (MTE 2011) yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) baru-baru ini.

Pada pertandingan tersebut, penyelidik UTeM telah meraih dua pingat emas, lima perak dan 11 gangsa. Lebih membanggakan apabila salah satu produk inovasi yang merangkul emas iaitu 'My 2nd Eye' dinobatkan Anugerah Terbaik (Best Award) serta menggondol Hadiah Khas (Special Prize) oleh Asia Invention Association.

Produk inovasi 'My 2nd Eye' diketuai oleh Engr. Anuar Mohamed Kassim dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) direka khas bagi memudahkan golongan cacat penglihatan untuk bergerak dengan lebih yakin dan selamat.

Sementara itu, produk 'SD- Traffic Light' yang diketuai oleh Engr. Siva Kumar A/L Subramaniam dari Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) berjaya merangkul emas. Inovasi terhadap lampu isyarat itu memberi kemudahan kepada pemandu yang mengalami masalah buta warna.

Dalam pada itu, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTeM, Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim Suaidi yang ditemui di sini melahirkan rasa bangga di atas kejayaan penyelidik-penyelidik yang meraih pingat semasa pertandingan itu berlangsung.



## UTeM & TM Bekerjasama Laksanakan Rangkaian Metro-e di Seluruh Kampus UTeM

UTeM telah mengadakan Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) dengan salah sebuah syarikat telekomunikasi terbesar di Malaysia iaitu Telekom Malaysia Berhad (TM) di Kampus Induk Durian Tunggal baru-baru ini.

Dalam majlis ini UTeM telah diwakili oleh Naib Canselor iaitu Prof Datuk Dr Ahmad Yusoff Hassan dan Pengarah Pusat Komputer iaitu En Mohd Isa Mohd Dom manakala pihak TM pula diwakili oleh Naib Presiden TM Sektor Jualan Kerajaan iaitu En. Hamdan Ismail dan Pengurus Besar TM negeri Melaka iaitu En. Rozlan Mohamed.

Menurut Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff pada sidang media berkata, antara objektif diadakan Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian ini adalah bagi menghebahkan kepada umum bahawa pihak TM telah bersetuju dalam menyediakan perkhidmatan Metro Ethernet (metro-e) kepada seluruh kampus UTeM dan juga meliputi seluruh kolej kediaman pelajar.

Sehubungan itu TM juga bersetuju menyediakan perkhidmatan internet tanpa wayar (WIFI) dengan kapasiti dan kelajuan yang tinggi untuk rangkaian yang merangkumi lapan buah kolej kediaman pelajar. Ini semestinya memberi kemudahan kepada para pelajar UTeM bagi mengakses rangkaian internet bagi tujuan pembelajaran dan komunikasi yang cepat dan berkesan.

Seterusnya En. Hamdan Ismail pula berkata, UTeM telah melakarkan sejarah yang tersendiri di mana universiti ini merupakan IPTA pertama di Melaka yang telah memeterai perjanjian dengan TM bagi perkhidmatan metro-e dan antara rangkaian yang ketiga besar jika dibandingkan dengan IPTA lain.

Beliau juga mengulas rangkaian metro-e ini adalah rangkaian berpusat yang mutakhir kerana ia memberikan pengguna jaminan pelaburan masa depan yang sesuai untuk aplikasi masa depan tambahan pula ianya kos efektif, fleksibel dan berkeutamaan.